



KENYATAAN MEDIA HARI KE-37

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELAKU PENERUS SABAH COVID-19 COMMAND CENTRE

Kerajaan Negeri melalui Sabah Covid-19 Command Centre pada hari ini, memutuskan seperti berikut:

1. PENGHANTARAN *ESSENTIAL SERVICES* ATAU *ESSENTIAL GOODS* MELALUI PERKHIDMATAN '*RUNNER*'

Kerajaan Negeri mengambil maklum bahawa pergerakan rakyat Sabah adalah terhad berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi menghalang penularan dan seterusnya memutuskan rantai wabak COVID-19 di Sabah. Namun demikian, permintaan untuk menggunakan perkhidmatan '**Runner**' yang tidak berdaftar adalah tidak dibenarkan. Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah diarah untuk memantau perkara ini.

2. OPERASI KLINIK HAIWAN PELIHARAAN [SWASTA]

- (a) Kerajaan Negeri bersetuju membenarkan Klinik Haiwan Peliharaan [Swasta] untuk **beroperasi setiap hari mulai jam 6.00 pagi hingga 2.00 petang kecuali bagi kes-kes kecemasan.**
- (b) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan akan mengenalpasti klinik yang dibenarkan beroperasi.

3. GARIS PANDUAN PENGURUSAN BANGUNAN PERUMAHAN BERTINGKAT

Pengurusan Bangunan bertingkat sama ada yang berdaftar (*Management Corporation*) atau masih di bawah pengurusan pemaju (*Interim Management Corporation*) adalah digesa untuk mematuhi perkara-perkara berikut:-

- i. Menutup kemudahan seperti dewan, gimnasium, kolam renang, sauna, taman permainan dan surau;
- ii. Menyediakan *hand sanitizer* dan saringan suhu badan di pondok pengawal untuk setiap penghuni, pelawat, penghantar makanan dan kemudahan *essential goods* ke pembangunan perumahan;
- iii. Melakukan nyah cemar kawasan-kawasan milikan bersama (*Common property*) seperti lobi, lif, ruang koridor; dan
- iv. Bagi memastikan perkhidmatan kepada penghuni tidak terjejas, Pejabat pengurusan dan perkhidmatan wakil pengurusan adalah dibenarkan beroperasi tetapi bilangan kakitangan yang bertugas serta masa operasi perlu dihadkan.

4. PREMIS PENGURUSAN DAN PERKHIDMATAN JENAZAH

Kerajaan Negeri memutuskan untuk membenarkan premis pengurusan dan perkhidmatan jenazah untuk **beroperasi setiap hari mulai jam 6.00 pagi hingga 6.00 petang**. Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) dan Pihak Berkuasa Tempatan diarah untuk memantau perkara ini.

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH
23 April 2020 | 10.00 pagi